

# Kes penipuan menular pada bulan ini

Terdapat rentetan kes penipuan sejak permulaan bulan ini dan pihak berkuasa telah mengeluarkan amaran agar orang ramai berwaspada. Berikut kes penipuan yang kerap berlaku dan disifatkan sebagai paling berkesan, serta apa yang perlu diambil perhatian orang ramai.



## PENIPUAN DIKAIT IRAS

Pihak Penguasa Hasil Mahsul Singapura (Iras) telah mengeluarkan tiga makluman nasihat bagi mengelak penipuan dari 8 hingga 13 Jun.

### AWAS

- E-mel palsu menggunakan domain @iras.gov.sg, mengarah penerima membuka lampiran meragukan.
- E-mel palsu dan panggilan daripada penipu yang menyamar sebagai pegawai Iras, mendakwa mahu beri bayaran balik.
- Panggilan WhatsApp daripada akaun palsu dengan gambar profil menggunakan logo Iras.



## PENYAMARAN



### AGENSI PELANCONGAN

Gabungan penyamaran dan penipuan kerja. Penipu menyamar sebagai kakitangan agensi pelancongan. Tawarkan kerja dalam bidang pemasaran secara sambilan melalui SMS atau WhatsApp.

### AWAS

- Mesej yang mendakwa dapat perolehi wang dengan senang bagi menyelesaikan tugas mudah.
- Mesej yang mendakwa mereka kakitangan agensi pelancongan.
- Minta bayaran dahulu sebelum memberi akses kepada pekerjaan.



### PEGAWAI CHINA

Sekurang-kurangnya 231 mangsa kehilangan sejumlah \$25 juta tahun ini ekoran penipuan melibatkan penyamaran pegawai penguatkuasaan undang-undang China.

### AWAS

- Panggilan telefon secara automatik yang dikatakan dari Kementerian Kesihatan.
- Individu mendakwa mereka pegawai polis dari China. Mendakwa anda sedang disiasat kerana pengubahan wang haram
- Arah memberi maklumat perbankan dan peribadi.



## PENIPUAN PANCINGAN DATA



### UTILITI

Sekurang-kurangnya lima mangsa kehilangan sejumlah lebih \$9,700 pada bulan ini kepada penipu yang menyamar sebagai pegawai agensi pemerintah dan perkhidmatan awam termasuk PUB dan SP Group.

### AWAS

- E-mel atau mesej minta anda klik pautan untuk mendapat bayaran balik.
- Laman web palsu meminta maklumat peribadi, perbankan dan log masuk Singpass.



### PERBANKAN

Lebih 60 mangsa kehilangan sejumlah \$60,000 bulan ini apabila penipu menyasarkan pelanggan Bank DBS. Lapan orang ditangkap sejak itu kerana terlibat dalam penipuan tersebut.

### AWAS

- Mesej SMS tanpa diminta daripada penghantar yang menggunakan nama "SG-DBS" atau "DBS-Notice".
- Arahan untuk klik pautan di dalam SMS.
- Laman web perbankan dalam talian yang palsu.



### PENGHANTARAN

Sekurang-kurangnya 415 mangsa kehilangan lebih daripada jumlah \$574,000 tahun ini ekoran pancingan data melibatkan penghantaran bungkusan.

### AWAS

- E-mel atau SMS mendakwa ada bungkusan barangan yang belum diambil.
- Arahan untuk klik pautan yang tidak diketahui.
- Laman web palsu yang minta butiran perbankan dan kata laluan satu kali.



### PEMBERSIHAN

Sekurang-kurangnya dua mangsa kehilangan sejumlah \$2,000 pada bulan ini akibat varian penipuan pancingan data baru. Ia menggunakan iklan untuk khidmat pembersihan di wadah media sosial. Mereka diberitahu untuk muat turun aplikasi yang mengandungi malware.

### AWAS

- Pautan yang tidak diketahui dihantar melalui media sosial.
- Arahan muat turun aplikasi yang tidak disahkan untuk buat pembayaran.

## GARIS MASA AMARAN:



**Jun 7**  
Penipuan utiliti



**Jun 8**  
Penipuan pancingan data bank dan penipuan lampiran e-mel Iras



**Jun 9**  
Penipuan agensi pelancongan



**Jun 10**  
Penipuan melibatkan penyamaran pegawai China dan penipuan pembayaran balik Iras



**Jun 11**  
Penipuan penghantaran bungkusan



**Jun 13**  
Penipuan panggilan WhatsApp Iras



**Jun 14**  
Penipuan khidmat pembersihan